Indonesia

Demokrasi Indonesia ala-Sukarno

Tinjauan risalah "Demokrasi Kita" oleh Dr Hatta

3

Pvresiden Sukarno

Semboyan **Dwitunggal dwiwarna**
Keduanya lambang merdeka
Indonesia mau ke mana
Setelah setunggal meninggal setunggal
Dwiwarna kehilangan akal
Demokrasi Terpimpin lahir ke dunia
Harapan jaya mungkin gagal
Kembalilah kami dwitunggal
Kembalilah bersama dwiwarna!

Oleh: Aria Jembel

Dr Hatta meneruskan membicarakan ((Demokrasi dan Diktator)) dalam risalahnya ((Demokrasi Kita)). Kata Dr Hatta:

"Di mana-mana orang tak puas. Pembangunan dirasakan tidak berjalan sebagaimana mestinya, seperti yang diharapkan. Kemakmuran rakyat yang dicita-citakan masih jauh sahaja, sedangkan nilai wang makin merosot. Rencana yang terlantar banyak sekali. Keruntuhan dan kehancuran barang-barang *capital* tampak di mana-mana, seperti rosaknya jalan-jalan raya, irigasi, pelabuhan berkembangnya erosi dan lain-lain.

((Pembangunan demokrasi pun terlantar kerana percekcokan politik sentiasa. Indonesia yang adil yang ditunggu-tunggu masih jauh sahaja. Penglaksanaan[1] autonomi daerah dengan urusan kewangan sendiri yang lama sekali menunggu menjadi sebab timbulnya pergolakan daerah. Daerah-daerah yang begitu banyak menghasilkan *division*[2] (alat-alat untuk mendapatkan wang luar negara) buat negara, sedangkan mereka masih melihat pembangunan daerahnya, mulai menentang pemerintah pusat.

[1] Ejaan sebenar ialah pelaksanaan
[2] Tidak dapat dipastikan apa maksud sebenar perkataan

Sudah lebih dahulu angkatan perang merasa tak puas dengan jalannya pemerintah di tangan parti-parti. Percekcokan politik di pusat besar pengaruhnya ke bawah. Pada daerah-daerah yang belum aman gerakan gerombolan makin menjadi. Semuanya itu harus dihadapi oleh tentera. Aturan menyiapkan diri untuk tugasnya yang sebenarnya, iaitu melatih diri mengadakan perlengkapan untuk menghadapi musuh dari luar, ia terus menerus sahaja disuruh melakukan tugas polisi ke dalam. Pada tahun 1952 pernah pemimpin angkatan perang memohon kepada Presiden supaya Presiden sudi mengakhiri cara Dewan Perwakilan Rakyat bekerja yang selalu menimbulkan politik yang tidak stabil. Permohonan itu tidak berhasil, sebab Presiden menunjukkan kepada kedudukannya sebagai kepala negara yang berperlembagaan.

((Akhirnya persatuan tentera dengan gerakan rakyat pada beberapa daerah untuk menentang pemerintah pusat memaksa pemerintah pusat mengumumkan keadaan bahaya. Sejak itu mulailah campur tangan angkatan perang dalam pemerintahan. Persengketaan tentang Irian Barat yang makin memuncak memberi kesempatan kepada beberapa golongan pemuda untuk mengambil beberapa perusahaan Belanda yang ada di Indonesia. Untuk menghindarkan kekacauan, pemerintah memberi tugas kepada angkatan perang untuk mengawasi semuanya itu. Dengan itu bertambah luaslah kekuasaan dan tanggungjawab dalam berbagai-bagai bidang keamanan dan keselamatan umum, maka menurut pendapat mereka sudah selayaknya mereka ikut serta dalam pemerintahan negara. Untuk meninggalkan kekuasaan parti-parti politik dalam pemerintah, tentera mengunjurkan undi, kembali ke Undang-undang Dasar 1945 dengan sistem kabinet *Presidential.* Cita-cita itu disokong oleh beberapa golongan kecil yang merasa berjasa dalam revolusi tahun 1945 tetapi tak pernah terhitung dalam politik selama itu. Sudah tentu dengan pengertian sendiri! Dari kanan dan kiri Presiden di desak supaya mengambil tindakan yang tegas untuk kembali kepada Undang-undang Dasar 1945. Tindakan anti perlembagaan dianjurkan.

((Maka terjadilah peristiwa yang disebut tadi pada permulaan karangan ini. Perkembangan politik yang berakhir dengan kekacauan, demokrasi yang berakhir dengan anarki membuka jalan untuk lawannya: Diktator. Seperti diperingatkan tadi, ini adalah hukum besi daripada sejarah dunia. Tetapi sejarah dunia memberi petunjuk pula bahawa diktator yang bertanggungjawab kepada kewajipan orang seorang tidak lama umurnya. Sebab itu pula sistem yang dilahirkan Sukarno itu tidak akan lebih panjang umurnya dari Sukarno sendiri. Umur manusia terbatas. Apabila Sukarno sudah tidak ada lagi, maka sistemnya itu akan roboh dengan sendirinya seperti suatu rumah dari kartu (kertas tebal). Tidak ada seorang juga dari *team* kerjasama yang diadakannya itu yang mempunyai kaliber dan kewajipan untuk meneruskannya. Tidak pula ada bayangan dalam masyarakat, bahawa sistem itu disukai orang.

Konsepsi Sukarno

((Kalau kita perhatikan golongan-golongan dalam Dewan Perwakilan Rakyat gotong-royong itu, yang akan mendokong sistem Sukarno, di situ tidak ada *homogenta*[3] (perpaduan). Malahan mereka itu terdiri dari berbagai-bagai aliran yang bertentangan satu sama lain,

[3] Tidak dapat dipastikan apa maksud sebenar perkataan

batas-membatasi dan hambat-menghambat. Mereka dapat bekerjasama dengan mesyuarat, kerana ada Sukarno yang menentukan dan mereka mengiyakan.

((Dalam keadaan semacam itu, tenaga-tenaga demokrasi dalam masyarakat terpaksa menunggu dengan sabar, apa yang akan dilahirkan oleh konsepsi Sukarno itu.
Selama politiknya di dokong oleh aliran-aliran politik yang terbesar jumlahnya dan golongan yang berkuasa, semuanya dengan semangat *totalitar* (diktator), aliran demokrasi tidak dapat berbuat apa-apa, semangat *totalitar* sedang kuat berhubung dengan pemberontakan pada beberapa daerah.

((Bagi saya yang lama bertengkar dengan Sukarno tentang bentuk dan susunannya pemerintahan yang efisyen (yang menghasilkan), ada baiknya diberikan kesempatan yang adil dalam waktu yang layak kepada Presiden Sukarno untuk mengalami sendiri, apakah sistemnya itu akan menjadi suatu kejayaan atau suatu kegagalan.
Sikap ini saya ambil sejak perundingan kami yang tidak berhasil kira-kira dua tahun yang lalu. Ada ukuran yang objektif yang akan menentukan dalam hal ini. Tercapaikah atau tidak kemakmuran rakyat dengan itu, kemakmuran rakyat yang Sukarno sendiri juga menciptakannya dengan sepenuh-penuh angan-angannya. Sanggupkah ia menahan kemerosotan taraf hidup rakyat dalam tempoh yang singkat? Dapatkah ia menahan jatuhnya harga wang yang terus menerus dalam waktu yang tidak terlalu lama, iaitu hal yang membawa orang putus harapan? Itulah ukuran objektif yang tepat terhadap konsepsinya itu!

((Bahawa Sukarno seorang patriot yang cinta pada tanah air dan ingin melihat Indonesia yang adil dan makmur selekas-lekasnya, itu tidak dapat disangkal. Dan itulah barangkali motif yang terartama[4] baginya untuk melakukan tindakan yang luar biasa itu, dengan tanggungjawab sepenuhnya pada dirinya. Cuma, berhubung dengan tabiatnya dan pembawaannya, dalam segala ciptaannya ia memandang garis besarnya sahaja. Hal-hal yang mengenai *detail,* yang mungkin mengikut dan menentukan dalam pelaksanaannya, tidak dihiraukannya. Sebab itu ia sering mencapai yang sebaliknya dari yang ditujunya.

((Dalam suatu kritik terhadap konsepsinya kira-kira tiga tahun yang lalu saya bandingkan dia dengan Mephistophles[5] dalam hikayat Goethe's Foust apabila Mephistopheles berkata, bahawa dia ada satu bahagian dari suatu tenaga yang selalu menghendaki yang buruk dan selalu menghasilkan yang baik – Sukarno adalah kebalikan dari gambaran itu. Tujuannya selalu baik, tetapi langkah-langkah yang diambilnya kerap kali menjauhkan dia dari tujuannya itu. Dan sistem diktator yang diadakannya sekarang atas nama *Demokrasi Terpimpin* akan membawa ia kepada keadaan yang bertentangan dengan cita-citanya selama ini.

((Tadi saya katakan, bahawa demokrasi tidak akan lenyap dari Indonesia. Mungkin ia tersingkir sementara, seperti kelihatan sekarang ini, tetapi ia akan kembali dengan tegaknya. Memang tak mudah membangun suatu demokrasi di Indonesia yang lancar jalannya.
Tetapi bahawa ia akan muncul kembali, itu tak dapat di bantah.

((Ada dua hal yang memberikan keyakinan itu kepada saya. Pertama, cita-cita demokrasi yang hidup dalam pergerakan kebangsaan di masa penjajahan dahulu, yang

[4] Perkataan sepatutnya ialah terutama
[5] EPerkataan sebenar ialah Mephistopheles

memberikan semangat kepada perjuangan kemerdekaan. Kedua, pergaulan hidup Indonesia yang asli berdasarkan demokrasi, yang sampai sekarang masih terdapat di dalam desa Indonesia.

((Sudah biasa dalam sejarah, bahawa cita-cita yang murni dan indah tentang pergaulan hidup manusia dan bangsa lahir dalam masa penderitaan. Rakyat Indonesia menderita, berabad-abad lamanya, di bawah penjajahan Belanda. Kesengsaraan hidup, penghinaan bangsa oleh berbagai-bagai peraturan yang memandang rendah, pemerasan nasional di bawah suatu kekuasaan maharajalela secara penjajah, sifat pemerintahan penjajahan sebagai suatu negara – polisi yang menindas segala cita-cita kemerdekaan – semuanya itu menghidupkan dalam pangkuan pergerakan kebangsaan cita-cita tentang persatuan Indonesia, peri kemanusiaan, demokrasi dan keadilan sosial. Semuanya itu tergaris sedalam-dalamnya dalam jiwa rakyat Indonesia sekalipun mereka hanya sanggup menyatakan secara pasif. Tetapi di dalam kalbu orang pergerakan cita-cita itu hidup sebagai keinsafan hukum, yang harus memberi corak kepada Indonesia merdeka.

((Sejak dari masa penjajahan diciptakan bahawa Indonesia merdeka di masa datang mestilah negara nasional, bersatu dan tidak terpisah-pisah. Ia bebas dari penjajahan asing dalam rupa apa pun juga, politik mau pun ideologi. Dasar-dasar peri-kemanusiaan harus terlaksana dalam segala segi penghidupan, dalam perhubungan antara orang dengan orang, antara majikan dan buruh, antara bangsa dan bangsa lahir dalam perjuangan menentang penjajahan, cita-cita peri kemanusiaan tidak sahaja bersifat anti-kolonial dan anti-imperialis, tetap juga menuju kebebasan manusia dari segala tindasan. Pergaulan hidup harus diliputi oleh suasana kekeluargaan dan persaudaraan. Pustaka sosialis yang banyak dibaca dan pergaulan kaum buruh barat yang dilihat dari jauh dan dari dekat, memperkuat cita-cita itu menjadi keyakinan.

Demokrasi Indonesia

((Pengalaman dengan pemerintahan maharajalela secara penjajah dalam bentuk negara – polis menghidupkan dalam kalbu pemimpin dan rakyat Indonesia cita-cita negara hukum yang demokratis. Negara itu haruslah berbentuk republik berdasarkan kedaulatan rakyat. Tetapi kedaulatan rakyat yang difahamkan dan dipropagandakan dalam kalangan pergerakan nasional berlainan dengan konsepsi *((rusu))* yang bersifat individualisme (perseorangan) kedaulatan rakyat ciptaan Indonesia harus berakar

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah Sudah siap

Sejarah ringkas

Muhammad

Ṣallā Allāhu ʻalayhi wa sallam

Di susun oleh Edrus. Sejarah ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-muris sekolah. Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-muris kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskhah 41.20 Post 10 sen

dalam pergaulan hidup sendiri yang bercorak kolektivisme (beramai-ramai). Demokrasi Indonesia harus pula perkembangan daripada demokrasi Indonesia asli. Semangat kebangsaan yang tumbuh sebagai reaksi terhadap imperialisme dan kapitalisme barat, memperkuat pula keinginan untuk mencari sendi-sendi bagi negara nasional yang akan dibangun ke dalam masyarakat sendiri. Demokrasi barat sebelum dijalankan sepenuhnya ditolak.

((Dalam mempelajari revolusi Perancis 1789 yang terkenal sebagai sumber demokrasi barat, ternyata bahawa trilogi ((kemerdekaan, persamaan dan persaudaraan)) yang menjadi semboyannya tidak terlaksana di dalam politik. Itu tidak menghairankan, kerana Revolusi Perancis meletus sebagai revolusi perseorangan untuk memerdekakan orang-seorang dari ikatan feudalisme. Kemerdekaan individu diutamakan. Dalam merealisasinya (membentuk kebenarannya) orang lupa akan rangkaiannya dengan persamaan dan persaudaraan.

((Selagi Revolusi Perancis tujuannya hendak melaksanakan cita-cita sama rata sama rasa – sebab itu di sebelah kemerdekaan individu dikemukakan persamaan dan persaudaraan – demokrasi yang diperkatikkan hanya membawa persamaan politik. Itu pun terjadi beransur-ansur. Dalam politik hak seseorang sama dengan yang lain; kaya miskin, lelaki dan perempuan sama-sama mempunyai hak untuk memilih dan dipilih menjadi anggota Dewan Perwakilan Rakyat. Tetapi lebih dari itu tidak ada persamaan dalam perekonomian tetap berlaku dasar tidak sama malahan dengan berkuburnya semangat individualisme. Pertentangan kelas bertambah hebat di mana ada pertentangan yang hebat antara berbagai kepentingan, di mana ada golongan yang menindas dan ditindas, di situ sukar di dapat persaudaraan.

((Nyatalah bahawa demokrasi yang semacam itu tidak sesuai dengan cita-cita perjuangan Indonesia yang menciptakan terlaksananya dasar-dasar peri-kemanusiaan dan keadilan sosial. Demokrasi politik sahaja tidak dapat melaksanakan persamaan dan persaudaraan. Di sebelah demokrasi politik harus pula berlaku demokrasi ekonomi. Kalau tidak, manusia belum merdeka, persamaan dan persaudaraan belum ada. Sebab itu cita-cita demokrasi Indonesia ialah demokrasi sosialnya, meliputi seluruh lingkungan hidup yang menentukan nasib manusia. Cita-cita keadilan sosial yang terbayang di muka, dijadikan program untuk dilaksanakan di dalam praktik hidup nasional kemudian hari ...”

(bersambung)

Sudahkah tuan membaca:

Surat Menyurat

Di susun oleh Edrus – mengandungi hal ehwal pejabat surat menyurat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-menyurat beradat, kepada ahli-ahli agama, kepada orang awam.

Inilah pertama-tama buku mengenai surat menyurat di dalam bahasa Melayu huruf Jawi yang lengkap kandungannya.

Senaskhah $1.80 Pos 20 sen.

Kalau memesan hendaklah disebut naskhah Jawi